

THIRD SCHEDULE
[By-Laws 24]

| | Minimum RM | Maximum RM |
|---|---|---------------|
| 1. Remove stall and goods | 30.00 | 50.00 |
| 2. Storing the stall and goods | RM10.00 per day for the period not exceeding 7 day and... RM20.00 per day for the day after | |
| 3. Remove vehicle (except lorry) | 50.00 | 500.00 |
| 4. Remove a lorry of not exceeding 3 ton | 350.00 | 700.00 |
| 5. Remove a lorry of exceeding 3 ton | 500.00 | 1,000.00 |

Dated
[MPK/599/700/0001/UU/UUK]

HAJI AHMAD BIN HAJI MA'IN
President
Kluang Municipal Council

Confirmed on the
[K.T. 24/69 Jld. 9(21); PUNJ.BIL.(PU2)7 Jld. 3(54)]

HAJI MOHD HALIM BIN HASBULLAH
Clerk of the State Executive Council
Johore

J. P.U. 19.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL MENCEGAH KEKOTORAN
(MAJLIS PERBANDARAN KLUANG) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 dan seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Pihak Berkuasa Negeri membuat undang-undang kecil yang berikut:

Nama, pemakaian dan permulaan berkuat kuasa

1. (1) Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran (Majlis Perbandaran Kluang) 2012** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Perbandaran Kluang.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“bangunan” termasuklah sebuah rumah, pondok, bangsal atau kepungan beratap, sama ada digunakan bagi maksud kediaman manusia atau selainnya dan juga sesuatu tembok, pagar, pelantar, tangki najis, tangki bawah tanah, pementasan, pintu pagar, tiang, pilar pagar pancang, bingkai, papan dinding, pelancar, limbungan, dermaga, jeti, pelantar pendaratan, kolam renang, jambatan, landasan kereta api, talian penghantaran kabel, talian penyiaran, talian paip atas atau struktur lain tumpangan atau asal;

“sampah-sarap kebun” ertinya sampah-sarap dari kebun dan pekerjaan pertanian;

“pegawai kesihatan” ertinya pegawai yang pada masa itu menjalankan tugas seorang Pegawai Kesihatan, Majlis Perbandaran Kluang;

“kekotoran” termasuklah mana-mana habuk, pasir tanah, tanah merah, batu kelikir, tanah liat, batu, kertas, abu, bangkai, sampah-sarap, daun dan ranting, rumput, jerami, kotak, tong, bendera, cukuran, rambut, bulu, habuk gergaji, sampah-sarap kebun, sampah-sarap kandang, sampah-sarap perniagaan, baja, sampah, botol, kaca, tin, bekas makanan, pembalut makanan, sisa-sisa makanan atau benda-benda lain atau barang-barang lain;

“pasar” termasuklah mana-mana tempat awam yang biasanya digunakan untuk menjual binatang, atau daging, ikan, buah-buahan, sayur-sayuran atau lain bahan-bahan makanan yang mudah busuk untuk kegunaan manusia dan untuk menjual atau berbagai jenis kain-kain, dan termasuklah semua tanah dan premis yang digunakan dengan apa cara sekalipun untuk tujuan tersebut atau yang berkaitan dengannya;

“halangan” ertinya sekatan semua atau sebahagian daripada jalan atau tempat awam yang menyebabkan kesusahan yang tidak munasabah kepada orang ramai;

“penghuni” ertinya orang yang menduduki mana-mana premis atau menjaga, menguruskan atau mengawalinya sama ada untuk dirinya sendiri atau sebagai ejen untuk orang lain tetapi tidak termasuk penumpang;

“pemunya”

- (a) dari segi mana-mana tanah atau bangunan, ertinya pemilik tanah itu, dan jika pada pendapat Yang Dipertua pemilik tanah itu tidak boleh dikesan, orang yang pada masa itu menerima sewa premis-premis itu berkaitan dengan perkataan yang digunakan sama ada untuk dirinya sendiri atau sebagai ejen atau sebagai pemegang amanah untuk orang lain atau sebagai penerima atau yang menerimanya jika premis-premis itu disewakan kepada penyewa;
- (b) dalam kes bangunan yang dibahagi-bahagikan, termasuklah perbadanan pembangunan pengurusan dan mana-mana subsidiari pemilik;

“tempat kunjungan orang ramai” termasuklah sebuah bangunan atau suatu tempat yang tertutup yang digunakan atau dibina atau diubahsuai untuk digunakan sama ada secara biasa atau kadang-kalanya sebagai masjid, surau, gereja, kuil atau suatu tempat di mana sembahyang beramai-ramai atau upacara agama dilakukan, bukan sebuah rumah kediaman yang hanya digunakan untuk tujuan kediaman atau sebagai pawagam, panggung, dewan orang ramai, bilik sandiwara, bilik tari menari orang ramai, bilik syarahan orang ramai, atau bilik pameran orang ramai atau sebagai sebuah tempat orang ramai berhimpun yang dibenarkan masuk ke dalamnya dengan tiket atau lainnya atau digunakan atau dibina atau diubahsuai untuk digunakan sama ada secara biasa atau untuk lain-lain maksud awam;

“pasar awam” ertinya sebuah pasar yang dipunyai, disewakan atau diselenggarakan oleh Yang Dipertua;

“tempat awam” termasuklah tiap-tiap jalan raya awam, lebu, jalan, jambatan medan, gelanggang lorong-lorong, kaki lima, siar kaki, perarakan, dermaga, jeti, pangkalan, sungai, anak sungai, terusan, parit, tali air, taman awam atau tanah lapang dan tiap-tiap pawagam, pelbagai jenis tempat hiburan awam atau tempat-tempat kunjungan awam di mana dikenakan pembayaran untuk memasuki ke dalam atau di mana orang ramai bebas masuk;

“pemegang gerai” ertinya berkaitan dengan sebuah pasar awam seseorang yang dilesenkan oleh Yang Dipertua untuk jualan di dalam kawasan pasar awam dan berkaitan dengan sebuah pasar persendirian seseorang yang dibenarkan oleh pemegang lesen pasar tersebut untuk menjual di dalam kawasan pasar itu dan di dalam kedua-dua hal itu termasuklah orang yang menjaga gerai-gerai tersebut;

“sampah sarap kandang” ertinya tahi atau kencing kuda, lembu, kambing, babi atau lain-lain binatang ternakan dan benda-benda yang disapu atau sampah sarap dalam parit daripada mana-mana kandang atau bangsal lembu atau tempat-tempat untuk menyimpan kambing, babi atau lain-lain binatang ternakan;

“lebu” termasuklah suatu jalan, medan, siar kaki, jambatan atas, lorong belakang, jalan laluan atau jalan susur, sama ada jalan tembus atau tidak, di mana orang ramai mempunyai hak lalu, dan juga jalan di atas sesuatu jambatan, dan juga termasuklah sesuatu jalan, siar kaki atau laluan, halaman terbuka atau jalan kecil terbuka yang digunakan untuk dicadangkan untuk digunakan sebagai suatu jalan masuk kepada dua buah pegangan atau lebih, sama ada orang ramai mempunyai hak lalu di atasnya atau tidak tepi jalan, bahu jalan, dan semua saluran, parit dan longkang di tepi mana-mana lebu hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripada lebu itu;

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Kluang;

“Yang Dipertua” ertinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kluang dengan sah di sisi undang-undang dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua;

“sampah sarap perniagaan” ertinya sampah sarap daripada mana-mana perniagaan, pengilangan atau perniagaan atau daripada mana-mana pembinaan bangunan;

“kenderaan” termasuklah mana-mana kenderaan sama ada digerakkan dengan jentera atau selainnya.

Kesalahan

3. Seseorang yang—

- (a) menempatkan, menyimpan atau membuang atau menyebabkan atau membenarkan, disimpan atau dibuangkan mana-mana kekotoran di mana-mana tempat awam;
- (b) menyimpan atau meninggalkan apa-apa barang atau benda jua di tempat di mana barang atau benda itu mungkin dibawa atau terbawa ke tempat awam;
- (c) mengeringkan apa-apa bahan makanan atau apa-apa barang atau benda di atas mana-mana lebuhraya atau di mana-mana tempat awam kecuali di sesuatu tempat dengan sesuatu cara dan pada sesuatu masa yang ditentukan oleh Yang Dipertua;
- (d) membuang, menempatkan, menumpahkan atau menghamburkan mana-mana darah, air masin/garam, sampah sarap, cecair merbahaya atau lain-lain bahan busuk atau kotor dengan cara ianya akan mengalir atau jatuh di mana-mana tempat awam;
- (e) menitis, menumpah, membuang, menaburkan atau dengan apa-apa cara sekalipun menyebabkan dititik, ditumpah, dibuang atau ditabur, apa-apa kekotoran di mana-mana tempat awam, sama ada daripada kenderaan yang bergerak atau tidak bergerak;
- (f) mengayak, menggoncang, membersihkan, mendagun atau selainnya mengacau mana-mana kapur, abu, pasir, arang, rambut, kertas yang tidak berguna, bulu atau bahan-bahan lain dengan segera ianya dibawa atau mungkin dibawa oleh angin kepada mana-mana tempat awam;
- (g) membuang atau meninggalkan apa-apa jenis botol, kaca, tin, bekas makanan, pembalut makanan, sisa makanan atau mana-mana benda atau barang-barang lain di mana-mana tempat awam;
- (h) menyebabkan, mengakibatkan atau membiarkan air dari mana-mana tempat mencuci pinggan mangkuk atau parit atau apa-apa bahan cecair lain yang merbahaya kepunyaannya atau premisnya, dialirkan, dicurahkan atau dibuang atau ditumpahkan atau diletakkan atas mana-mana lebuhraya;

- (i) menyebabkan, mengakibatkan atau membiarkan mana-mana bahan yang merbahaya daripada mana-mana pembentungan, tandas atau limbah dialirkan, disalurkan atau dibuang atau ditumpahkan ke dalam parit;
- (j) semasa kerja pembinaan, perubahan atau peruntuhan, mana-mana bangunan atau binaan atau pada bila-bila masa melonggokkan, menjatuhkan, meninggalkan atau menempatkan atau menyebabkan dilonggokkan, dijatuhkan, ditinggalkan atau ditempatkan di dalam atau ke atas mana-mana tempat awam apa-apa batu, simen, tanah, pasir, kayu atau bahan-bahan pembinaan, benda atau bahan-bahan lain atau gagal untuk mengambil langkah keselamatan yang sesuai untuk mengelakkan bahaya kepada nyawa, kesihatan atau untuk kepentingan orang ramai yang menggunakan mana-mana tempat awam daripada habuk yang berterbangan atau sisa atau serpihan yang jatuh atau apa-apa benda lain;
- (k) membuang, menyebabkan, mengakibatkan atau membiarkan pembuangan air di atas mana-mana tempat awam daripada mana-mana lopak, parit, pemetung, saluran air di kaki-kaki atap, tandas limbah atau pancutan air adalah;

melakukan suatu kesalahan.

Anggapan kepada pesalah

4. (1) Jika dalam mana-mana hal dibuktikan bahawa apa-apa habuk atau benda lain yang disebutkan terdahulu daripada ini diletakkan di mana-mana tempat daripada mana-mana bangunan atau tanah atau bahawa apa-apa air atau apa-apa bahan-bahan busuk telah mengalir atau disalurkan atau dibuang atau diletakkan di atas atau di dalam mana-mana lebu atau parit bertentangan dengan Undang-undang Kecil ini, maka hendaklah dianggap bahawa kesalahan itu telah dilakukan oleh, atau dengan kebenaran penghuni bangunan atau tanah tersebut.

(2) Bagi maksud perenggan (e) Undang-undang Kecil 3—

- (a) di mana bahan atau benda kekotoran itu dijatuhkan, ditumpahkan atau ditaburkan dari sesebuah kenderaan atau jatuh atau tumpah daripadanya pemandu atau orang yang bertanggungjawab atau mengawal kenderaan itu adalah dianggap telah melakukan kesalahan itu kecuali kesalahan itu dilakukan oleh seseorang yang lain daripada pemandu atau orang yang bertanggungjawab atau mengawal kenderaan tersebut dan identiti orang yang melakukan kesalahan itu dapat disahkan; dan
- (b) di mana seseorang pemandu kenderaan bermotor atau lain-lain jenis kenderaan dituduh atau disyaki bersalah atas satu kesalahan—
 - (i) tuan punya kenderaan tersebut hendaklah memberi maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang Pegawai Polis atau Pegawai Majlis Perbandaran Kluang yang telah diberi kuasa di bawah peruntukan Undang-

undang Kecil 5, mengenai diri serta alamat orang yang memandu kenderaan tersebut atau di mana atau mengenai masa kesalahan atau dilakukan serta lain-lain maklumat yang diperlukan oleh Pegawai Polis atau Pegawai Awam tersebut. Dan jika tuan punya kenderaan itu gagal berbuat demikian dalam tempoh tujuh hari daripada tarikh maklumat itu dikehendaki daripadanya, dia adalah telah melakukan kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini melainkan dia membuktikan dengan memuaskan kepada Mahkamah bahawa beliau tidak tahu atau tidak dapat memastikan dengan memuaskan maklumat yang dikehendaki.

- (ii) sesiapa sahaja yang sepatutnya bertanggungjawab atau mengawal kenderaan bermotor tersebut hendaklah, jika dikehendaki memberi maklumat sebagaimana tersebut di atas dalam bidang kuasanya yang boleh menyebabkan mengenal pasti pemandu kenderaan tersebut dan jika dalam masa tujuh hari dari tarikh maklumat itu dikehendaki daripadanya ia gagal berbuat demikian, dengan ini dia adalah telah melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini.

5. (1) Walauapapun peruntukan mana-mana undang-undang lain yang sedang berkuat kuasa, mana-mana Pegawai Polis atau Pegawai Majlis Perbandaran Kluang yang telah diberikan kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua, dalam keadaan biasa atau dalam mana-mana kes tertentu boleh menangkap seseorang yang pada pendapat atau sesiapa yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai telah melakukan, kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini;

- (a) jika nama serta alamat orang itu tidak diketahui;
- (b) jika orang itu enggan memberi nama dan alamatnya; atau
- (c) jika ada sebab yang munasabah untuk meragui kebenaran tentang nama dan alamat yang telah diberikan.

(2) seseorang yang ditangkap di bawah seksyen ini boleh ditahan sehingga nama serta alamatnya dapat benar-benar dipastikan, dengan syarat seseorang yang ditangkap itu tidak di tahan melebihi masa yang sepatutnya dia dihadapkan ke Mahkamah dan perintah Mahkamah untuk penahanannya diperoleh.

Kuasa menahan kenderaan untuk pemeriksaan

6. (a) Jika mana-mana pegawai diberi kuasa oleh Yang Dipertua mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa kesalahan di bawah Undang-undang Kecil 3(e) telah dilakukan bagi mana-mana kenderaan bermotor, dia boleh menghendaki kenderaan itu diberhentikan dan boleh menghendaki pemandu kenderaan itu memandunya ke tempat lain, dan kenderaan itu boleh, jika perlu, ditahan bagi maksud pemeriksaan. Dengan syarat bahawa tiada kenderaan motor boleh ditahan di bawah Undang-undang Kecil ini bagi suatu tempoh yang lebih dari empat puluh lapan jam

(b) Mana-mana orang yang memandu suatu kenderaan motor di jalan hendaklah memberhentikan kenderaan motor itu apabila dikehendaki sedemikian oleh Pegawai Majlis yang berkuasa dan jika dia gagal membuat demikian maka dia adalah melakukan suatu kesalahan.

Membersihkan kotoran

7. (1) Majlis boleh dengan notis bertulis memerintahkan mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil 3 itu supaya kekotoran itu dibersihkan dengan apa-apa cara dan dalam tempoh tertentu.

(2) Majlis boleh dengan sendiri melalui pegawai yang diberi kuasa atau di kontrak kepada orang lain atau dengan apa-apa cara membersihkan kekotoran itu dan boleh menuntut apa-apa belanja bagi melaksanakan kerja itu daripada orang yang melakukan kesalahan.

(3) Majlis hendaklah memperakui belanja bagi melaksanakan kerja itu kepada orang yang melakukan kesalahan itu dan perakuan itu adalah bukti muktamad mengenai jumlah wang yang kena dibayar itu.

(4) Seseorang yang tidak mematuhi notis yang diberikan di bawah Undang-undang Kecil (1) di atas adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada Dua Ratus Lima Puluh Ringgit bagi tiap-tiap satu hari kesalahan itu berterusan.

Halangan sebagai satu kesalahan

8. (1) seseorang yang—

(a) membina, mendirikan, membangunkan atau menyelenggarakan atau membenarkan supaya dibina, didirikan atau dibangunkan atau diselenggarakan mana-mana tembok pagar, rel, tiang atau timbunan apa-apa bahan lain atau halangan lain di mana-mana tempat awam;

(b) tanpa kebenaran Majlis menutup atau menghalang mana-mana parit terbuka, pembentung atau akueduk di sepanjang tepi mana-mana lebuhraya;

(c) melonggok atau menyebabkan di longgok apa-apa kotak, bale atau bungkusan barang-barang perdagangan, perkakas, pinggan mangkuk atau bahan-bahan lain atau benda-benda lain di mana-mana tempat-tempat awam selama lebih daripada masa yang diperlukan bagi memuatkan atau memunggah barang-barang tersebut;

(d) melonggok, meletak, menggantung atau menyebabkan di longgok, diletak atau digantung apa-apa barangan atau benda-benda yang digunakan untuk atau berkaitan dengan perdagangannya di tempat-tempat awam;

- (e) melonggok, meletak, menggantung atau menyebabkan dilonggok, diletak atau digantung kayu, balak, besi buruk, kenderaan yang terbiar atau mana-mana bahagiannya bahan buangan atau benda-benda lain atau barang-barang lain di tempat-tempat awam;
- (f) menyimpan atau menyebabkan disimpan sampah sarap halaman, sampah sarap dapur atau sampah sarap perniagaan atau apa-apa benda atau barang-barang lain di tempat-tempat awam; atau
- (g) menyebabkan atau membenarkan mana-mana kenderaan diletakkan di mana-mana siar kaki, lorong belakang, lorong tepi, kaki lima, bahu jalan atau mana-mana tempat awam.

adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) jika didapati di dalam mana-mana kes bahawa apa-apa barang atau benda dilonggokkan di mana-mana tempat awam daripada mana-mana bangunan atau tanah bertentangan dengan Undang-undang Kecil ini maka hendaklah dianggap bahawa kesalahan itu telah dilakukan oleh atau dengan kebenaran penghuni bangunan atau tanah tersebut.

Kuasa untuk memindahkan halangan

9. (a) Yang Dipertua atau mana-mana Pegawai Majlis yang diberi kuasa oleh Majlis boleh mengunci kenderaan atau mengalihkan atau menyebabkan mana-mana halangan itu dialihkan ke suatu tempat yang sesuai dan di tinggalkan pada mana-mana tempat di atas risiko pemunya dan orang yang melakukan kesalahan itu dan boleh ditahan barang berkenaan sehingga perbelanjaan pemindahan dan penahanannya dibayar.
- (b) Majlis hendaklah mengesahkan perbelanjaan tersebut kepada pemunya atau orang yang melakukan kesalahan itu pengesahan Majlis itu adalah bukti yang muktamad atas jumlah yang kena dibayar.
- (c) Jumlah tersebut hendaklah dianggap sebagai hutang kepada Majlis Perbandaran Kluang.
- (d) Apa-apa barang atau benda yang tidak tahan lama boleh dilupuskan pada bila-bila masa mengikut cara yang ditentukan oleh Yang Dipertua.
- (e) Jika setelah tempoh tujuh hari daripada tarikh pemindahan, perbelanjaan pemindahan dan penahanannya tidak dibayar, barang atau benda yang telah dipindahkan akan dijual secara lelong raya atau dengan cara lain yang diarahkan oleh Majlis.
- (f) Pendapatan jualan, ditolak perbelanjaan, hendaklah, jika dituntut, dibayar kepada pemilik barang atau benda yang telah dipindahkan itu, tapi jika pendapatan itu tidak dituntut dalam masa tiga bulan dari jualan, ianya akan menjadi harta Majlis Perbandaran Kluang.

Pembinaan sementara pada masa perayaan dan lain-lain

10. Tiada apa pun yang diperuntukkan di dalam Undang-undang Kecil ini boleh menahan Majlis membenarkan mana-mana pembinaan sementara di mana-mana tempat awam pada masa perayaan-perayaan dan istiadat-istiadat.

Kuasa untuk merantai dan mengunci

11. (a) Apabila sesebuah kenderaan motor diletak dengan melanggar mana-mana daripada peruntukan Undang-undang Kecil ini maka sesiapa yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh Yang Dipertua bolehlah menahan kenderaan itu daripada bergerak dengan merantai dan menguncinya dengan menggunakan alat yang difikirkan patut oleh Yang Dipertua dan tidaklah boleh sesiapa pun mengalih kenderaan motor itu atau mengganggu rantai dan kunci itu. Atas permintaan dan dengan syarat tuan punya atau orang yang menjaga kenderaan motor itu membayar kepada Yang Dipertua suatu bayaran tidak lebih daripada Lima Ratus Ringgit Yang Dipertua atau mana-mana Pegawai yang diberi kuasa boleh menanggalkan rantai dan kunci dan melepaskan kenderaan tersebut.
- (b) Yang Dipertua tidak bertanggungjawab atas apa-apa kerosakan yang berlaku atas kenderaan motor itu dalam masa dan ketika dirantai, dikunci atau ditahan.

Penalti

12. Sesiapa yang melanggar mana-mana Undang-undang Kecil itu atau mana-mana peraturan atau syarat di bawahnya hendaklah apabila disabitkan kesalahannya itu dikenakan denda tidak melebihi Dua Ribu Ringgit atau penjara tidak melebihi setahun atau kedua-duanya dan mengenai kesalahan yang berterusan denda sebanyak tidak lebih daripada Dua Ratus Ringgit bagi tiap-tiap hari selama kesalahan itu berterusan setelah disabitkan.

Kuasa mengkompaun

13. (a) Mana-mana kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini boleh di kompaun mengikut kaedah yang ditetapkan di bawah Undang-undang Kecil Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan (Majlis Perbandaran Kluang) Kerajaan Tempatan 1976.
- (b) Sesuatu notis tawaran kompaun adalah disifatkan sebagai telah disampaikan kepada pemandu atau pemunya kenderaan bermotor yang berkaitan oleh Pegawai yang diberi kuasa oleh Majlis jika ianya telah diletakkan di cermin hadapan kenderaan bermotor tersebut atau di mana-mana bahagian lain kenderaan bermotor tersebut yang mudah dilihat.

Tanggungjawab pemunya berdaftar

14. Dalam hal mengenai pelanggaran atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini pemunya berdaftar kenderaan itu hendaklah dianggapkan sebagai telah melakukan kesalahan jika orang yang sebenarnya melakukan kesalahan itu tidak diketahui atau tidak dijumpai.

Pembatalan Pemansuhan

15. Undang-undang Kecil 10(a) Undang-undang Kecil Mencegah Kekotoran (Majlis Perbandaran Kluang) 1982, (Undang-undang Kecil Ibu) dibatalkan.

JADUAL

TAWARAN MENKOMPAN SUATU KESALAHAN DI BAWAH
UNDANG-UNDANG KECIL MENCEGAH KEKOTORAN
(MAJLIS PERBANDARAN KLUANG) 2012

(Undang-Undang Kecil 13)

Kepada:

.....
.....
.....

Tuan/Puan,

Satu laporan dibuat terhadap anda menuduh kesalahan yang berikut di bawah Undang-undang Kecil Mencegah Kekotoran (Majlis Perbandaran Kluang) 2012.
Tarikh.....Masa.....Tempat.....
Kesalahan.....

2. Anda dengan ini dimaklumkan bahawa mengikut kuasa yang diberikan kepada saya di bawah Undang-undang Kecil 10 dalam Undang-undang Kecil tersebut, saya bersedia mengkompau kesalahan kecil sebanyak RM..... (Ringgit.....).

3. Jika tawaran ini diterima bayaran boleh dibuat dengan wang tunai atau kiriman wang atau kiriman wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank untuk dibayar kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kluang yang tersebut di atas dan satu resit resmi akan dikeluarkan.

Bertarikh 2012
[MPK/599/700/0001/UU/UUK]

HAJI AHMAD BIN HAJI MA'IN
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kluang

Disahkan 2008
[.....;PUNJ.BIL.(PU2)7 Jilid 4(8)]

HAJI MOHD HALIM BIN HASBULLAH
Jurulis Majlis Mesyuarat Kerajaan
Johor

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976
ANTI-LITTER
(SEGAMAT DISTRICT COUNCIL) BY-LAWS 2011

IN exercise of the powers conferred by the section 73 and section 102 of the Local Government Act 1976 [Act 171], the State Authority makes the following by-laws:

Citation, application and commencement

1. (1) These By-Laws may be cited as the **Anti-Litter (Kluang Municipal Council) By-Laws 2012** and shall apply only to the area of Kluang Municipal Council.

(2) These By-Laws shall come into operation on the day of its publication in the *Gazette*.

Interpretation

2. In the By-Laws unless the contexts otherwise requires—

“building” including a house, hut, shed or siege with roof, whether used for human habitation purpose or other than and also something wall, fence, platform, septic tank, underground tank, staging, gateway, post, pillar, piling frame, side-cut, launcher, shipyard, wharf, pier, jetty, stage jetty, swimming-pool, bridge, railway, cable transmission line, redifusyen line, up pipeline or underground or any other framework build shelter or gas;

“garden refuse” means the refuse from garden and agricultural operation;

“health officer” means the officer for the time being carrying out the duties of Health Officer of Kluang Municipal Council;

“litter” includes any dust, dirt, sand, earth, laterite, gravel, clay, stone, paper, ashes, carcase, refuse, leaves and branches, grass, straw, boxes barrel bales, shaving, hair, feathers, sawdust, garden refuse, stable refuse, trade refuse, manure, garbage, bottles, glasses, can, food container, food wrapper, particle of food or others things or articles;

“market” includes any place ordinary used for sale of animal, or of meat, fish, fruit, vegetable or other perishable article of food for human consumption, and for sale of any clothing, or others merchandise and includes all land and premises in any way used in conjunction or in connection therewith or appurtenant thereto;

“obstruction” means total or partial blockage of a street, that causes unreasonable inconvenience to the public;

“occupier” means the person in occupation of the premises in respect of which the word is used or having the charge management or control thereof either on his own account or as agent of another person but does not include a lodger;

“owner”—

- (a) in relation to any land or building, means the registered proprietor of the land, and if in the opinion of the local authority the registered proprietor of the land cannot be traced, the person for the time being receiving the rent of the premises in connection with which the word is used whether on his own account or as a agent or trustee for any other person or as receiver or who receive the same if such premises were let to a tenant.
- (b) in the case of subdivided buildings, includes the management corporation and any subsidiary proprietor;

“place of public resort” includes a building or a defined or enclosed or enclosed place used or occasionally as a church, chapel, mosque, temple or others place where public worship is or religious ceremonies are performed not being merely a dwelling house so used, or as a cinema, theatre, public hall, public concert room, or as a public place of assembly for person admitted adapted to be used either ordinary or occasionally for any other public purpose;

“President” means the President of Kluang Municipal Council and includes the Deputy President;

“public market” means a market owned, leased or maintained by the President;

“public place” include each public road, road, road, field bridge, paths, pavement, parade, wharf, jetty, base, river, stream, canal, rope drain water, public park or open ground and each cinema, public place of entertainment different kind or public visit places where imposed payment to entered into or independent public where any one can enter;

“stall holder” refers to a person in a public market licensed by the President to sell that public marked and in respect of a private market a person who is permitted by the licensee of the private market to sell within that private marked and in both these instances include the person in charge of such stalls;

“stable refuse” means the dung or urine of horses, cattles, sheep, goats or swines and the sweeping or refuse of drainage from any stable or cattle-shed for keeping sheep-shed, for keeping sheep, goats, swines or poultry;

“street” includes any road, square, footway, overhead bridge, back lane or passage, whether, a thoroughfare or not, over which the public has right of way, also the way over any public bridge and also includes any intended to be used as a means of access to two or more holdings, whether the public has a right of way there over or not and all channels, drains, ditches and reserve as the shall be deemed to be part of such street;

"trade refuse" means the refuse of any trade, industries, business, profession or of any building operations;

"Vehicle" includes any vehicle whether, mechanically propelled or otherwise.

Offence

3. Any person who:

- (a) plates, deposits or throws or allows, to be placed, deposited or thrown any litter in any public place;
- (b) keep or leaves any article or thing whatsoever in any place where such article or thing is likely to pass into any public place;
- (c) dries and particle of food or other article or thing in any street or such public place, except in such place in such manner and on such hours as are fixed by the President;
- (d) throws, place, spills or scatters any blood, brine, swill, noxious, liquid or other offensive or filthy matter on any kind in such manner as to run or fall into street or such public place;
- (e) drop, spills, throws, scatters or in any manner cause to be dropped, spilled, thrown or scattered any litter in any public place whether from a moving or stationary vehicle;
- (f) sieves, shakers, cleans, beats, or otherwise agitates any lime, ashes, sand, coal, hair, waste paper, feather or other substance in such manner that it is carried or likely to be carried by wind to any public place;
- (g) throws or leaves behind any bottle, glass, can, food container, feed wrapper, particles of food or any other articles or things, in any public place;
- (h) causes, suffer or allows the water of any sink or drain or any other offensive liquid matter belonging to him or being on his premises to run, drain or be thrown or split or put upon any street;
- (i) causes, suffers, or allows any offensive matter from any sewer, privy or cesspool to run, drain or to be thrown or split into surface drain or;
- (j) during the construction alteration or demolition of any building or erection or at any time what so ever, deposits, drops, leaves or place or cause to be deposited, dropped left or placed in or any onto any public place, any stone, cement, earth, sand, wood, or other building material, things or substance or fails to take reasonable precaution to prevent danger to the life, health or well being of persons using any public place from flying dust or falling fragments or any other material:

- (k) any person who throws, causes, suffers or permits to be thrown upon any public place water from any ditch, drain, sewer, gutter, privy, cesspool or fountain;

shall be guilty of an offence.

Presumption as to offender

4. (1) If in any case it is shown that any dust or other substance hereinbefore mentioned has been deposited in any place from any building or land or that way or any offensive matter has run, drained or being thrown or put upon or into any street or drain in contravention of these By-Laws, its shall be presumed of the occupier of such building or land;

(2) For the purpose of paragraph (e) of By-Law 3—

(a) where the thing or matter is dropped, spill, thence from the driver or persons having charge or control of the vehicle shall be deemed to have committed the offence, unless the offence is committed by a person other than the driver or person having charge or control of the vehicle and the identity of the person who committed the offence can be established; and

(b) where the driver of a motor vehicle or any other vehicle is alleged or is suspected to be guilty of the offence—

(i) the owner of the motor vehicle shall give such information as may be required by a police officer or by an officer of the Kluang Municipal Council duly authorised as provided in By-Law 5 to give as to the identity and addresses of the person who was driving the said vehicle at or about the time of the alleged offence, and such other information as such Polis officer or public officer may require. And if he fails to do so within seven days of the date on which the information was required from him, he shall be guilty of an satisfaction of the Court that he did not know ascertained the information required, and

(ii) any other person who was or should have been in charge or in control of the motor vehicle shall, if so required as aforesaid give any information which it is in his power to give and which may lead to the identification of the driver. And if within seven days of the date on which the information was required from him, he failed to do so he shall be guilty of as offence under this By-Law.

Power of arrest

5. (a) Notwithstanding any other law for the time being in force any police officer or officer of the Kluang Municipal Council authorised in writing in the behalf by the President generally or in any particular case may arrest any person committing in his view or who was reason to believe his committed has committed any offence under these section:-

- (a) if the name and address of the person are unknown;
- (b) if the person declined to give his name and address or;
- (c) if there is reason to doubt the accuracy of his name and address given.

(b) A person arrested under this By-Law may be detained until his name and arrested shall be detained longer than is necessary for bringing him before a court and the order of an account for his detention is obtained.

Power to stop vehicle for checking

6. (a) If any officer authorised by President has reason given believe that offence under By-Law 3(e) was done for any motor vehicle, he may require the vehicle stop and may require the driver of the vehicle driving him to some other place, and the vehicle can, if necessary, held for purpose of inspection. Provided that no motor vehicle can be detained under this By-Law given a period that no more than forty eight hour.
- (b) Any person driving a motor vehicle on road must stop the motor vehicle when required that way by the Council's officer in charge and if he failed makes that then he is commits an offence.

To clean dirt

7. (1) Council may with the notice written order any people who are committing the offence any court established under By-Law allocation 3 that so the dirt refurbished with any manner and within a specific period.

(2) Council may own through officer who has been authorised or in contract to other or with any way clean dirt that and may claim any cost to implement the work from people who are committing the offence.

(3) Council must certified cost to implement the work person against whom do offences so and the certificate is conclusive proof on the amount of funds which may be due that.

(4) A person whose not comply notice given By-Law (1) above is commits an offence and could be imposed fine not above Two Hundred Fifty Ringgit for each one day continued offence so.

Obstruction as an offence

8. (1) Any person who—
- (a) build, erects, setup or maintain or permits to be build, erected or set up or maintained any wall, fence, rail, post, or any accumulation or any substance or other obstruction in any public place;
 - (b) without permission of the Council covers or obstructs any open drain, sewer or aqueduct along the said of any street;

-
- (c) deposits or causes to be deposited any box, bale or package of merchandise, utensils crockery, or other article;
 - (d) deposit, put, suspend or cause piled, put or suspended any goods or things which are used to or concerned with trade him in public places;
 - (e) deposit, put, suspend or cause piled, put or suspended wood, timber, bad iron, vehicle that stray or any his part waste or other things or other items in public places;
 - (f) deposits or causes to be deposited garden refuse, kitchen refuse, or trade refuse or any other article or thing in public place or;
 - (g) cause or allow any vehicle placed in any broadcast feet, back lane, side lane, pavement, road shoulder or any public place;

shall be guilty of an offence.

(2) If it is shown in any case that any article or ting has been deposited in or upon any public place from any building or land in contravention of these By-Law, it shall be presumed that the offence was committed by or with the permission of the occupier of such building or land.

Power to remove obstruction

9. (a) The President or any Council's officer authorised by the Council can lock vehicle or oust or cause any the obstacle is shifted to somewhere suitable and in give up there on risk owner and person who commits the offence and can be detained that goods till transfer expenditure and his detention paid;
- (b) The President shall certify such expenses to the owner or the person offending and the certificate of the President shall be conclusive proof of the sum due;
- (c) Such sum shall be deemed to be a debt due to the Kluang Municipal Council;
- (d) Any not last long goods or thing can be eliminated follow way specified by Council;
- (e) If after day seven periods from date of the transfer, transfer expenditure and his detention unpaid, goods or thing were evacuated would be sold by great auction or differently are directed by Council;
- (f) The proceed of saie, less expenses shall if duly claimed. Be paid to the owner of the article or thing so removed, but it such proceed are not claimed within three month of the sale, they shall become the property of the Kluang Municipal Council.

Temporary obstruction on occasion of festival, etc

10. Nothing herein provided shall prevent the Council from allowing any temporary erection in any public place on occasion of festivals and ceremonies.

Power to chain and clamp

11. (a) When a motor vehicle is parked in contravention of any provision of these By-Laws any person authorized for that means by the President may detain that vehicle from moving by chain or clamp using any reasonable device determined by the President and no one shall removed or tampered such chain or clamp. With the application by the owner and provided that the owner or the person in charged to the motor vehicle pay to the President a sum not more than Five Hundred Ringgit the President or any officer authorized on that behalf may take off the chain or clamp and release the vehicle.

(b) The President may not liable to any damage happened on the motor vehicle while being chain, clamp or detain.

Penalty

12. Any person who commits a beach of any of these By-Laws or any rules or condition there under shall be liable on conviction to a fine not exceeding the sum of Two Thousand Fifty Ringgit or to imprisonment not expending one year or to both such fine and imprisonment and in the case of a continuing offence is Two Hundred Ringgit for each day continued after conviction.

Power to compound

13. (a) Any offences under these By-Laws can be compound by method fixed under Compounding Offences Local Government (Kluang Municipal Council) By-Laws, Local Government 2012.

(b) An offer to compound notice is characterized as was presented to the driver or owner motor vehicle those related by the officer authorised by Council if this it has been placed in forward mirror stated motor vehicle or in any motor vehicle other part stated that conspicuous.

Liability of registered owner

14. In the case about collision or not comply any this By-Law allocation owner registered the vehicle must be deemed as already committing the offence if people who are actually committing offence so undisclosed or no am being met.

Repeal, saving and transitional

15. By-Law 10 (a) Anti-Litter (Kluang District Council) By-Law 1981, (parent by-law) are repealed.

SCHEDULE
 OFFER TO COMPOUND AN OFFENCE UNDER
 ANTI-LITTER (KLUANG MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 2012
 (By-Law 10)

To:

Sir/Madam,

A report has been made against you alleging the following offence under By law.....of the Anti-Litter (Kluang Municipal Council) By-laws 2011. Date.....Time.....Place.....

2. You are hereby informed that by virtue of the authority conferred on me under By-law 10, I am prepared to compound this offence for the sum of(Ringgit Malaysia:.....). If this offer accepted payment should be made by cash or money order, postal order, cashiers order, bankers order or bankers draft made payable to the President of the Kluang Municipal Council to the office quoted and an official receipt will be issued.

3. This offer compound the offence remains in force for.....days only from the date of the issue of this notice and if no reply is received within that period proceedings by summons will be instituted.

Dated 2012
 [MPK/599/700/0001/UU/UUK]

HAJI AHMAD BIN HAJI MA'IN
President
Kluang Municipal Council

Confirmed 2012
 [.....;PUNJ.BIL.(PU2)7 Jilid 4(8)]

HAJI MOHD HALIM BIN HASBULLAH
Clerk of the State Executive Council
Johore